



26 Ogos 2011
26 August 2011
P.U. (A) 314

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN
PEMANDUAN KENDERAAN BARANGAN) (NO. 2) 2011

*ROAD TRAFFIC (PROHIBITION ON DRIVING OF GOODS
VEHICLES) (NO. 2) RULES 2011*



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA PENGANGKUTAN JALAN 1987

KAEDAH-KAEDAH LALU LINTAS JALAN (LARANGAN PEMANDUAN
KENDERAAN BARANGAN) (NO. 2) 2011

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh perenggan 88(1)(c) Akta Pengangkutan Jalan 1987 [*Akta 333*], Menteri, setelah berunding dengan Menteri yang dipertanggungjawabkan dengan tanggungjawab bagi kerja raya, membuat kaedah-kaedah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Kaedah-kaedah ini bolehlah dinamakan **Kaedah-Kaedah Lalu Lintas Jalan (Larangan Pemanduan Kenderaan Barangan) (No. 2) 2011**.

(2) Kaedah-Kaedah ini mula berkuat kuasa pada 27 Ogos 2011.

Tafsiran

2. Dalam Kaedah-Kaedah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain —

“kenderaan barangan” ertinya mana-mana jenis kenderaan yang diperihalkan dalam Jadual Pertama dan Kedua.

Larangan

3. Pemanduan mana-mana kenderaan barangan yang dinyatakan dalam ruang (1) Jadual Pertama di mana-mana bahagian mana-mana jalan dilarang pada 27 dan 28 Ogos 2011 dan 3 dan 4 September 2011 bagi masa yang dinyatakan dalam ruang (2) Jadual Pertama.

Pengecualian

4. (1) Kenderaan barangan yang dinyatakan dalam Jadual Kedua dikecualikan daripada kaedah 3.

(2) Walau apa pun kaedah 3 dan subkaedah (1), Menteri boleh mengecualikan mana-mana kenderaan barangan daripada mana-mana peruntukan Kaedah-Kaedah ini tertakluk kepada apa-apa syarat yang ditentukan olehnya.

JADUAL PERTAMA

[kaedah 3]

KENDERAAN YANG DILARANG

(1)	(2)
<i>Jenis Kenderaan Barangan</i>	<i>Masa Larangan</i>
(a) Lori balak dan lori yang membawa bahan binaan seperti simen, besi, keluli, batu, pasir dan tanah	sepanjang masa
(b) Jentera berat	sepanjang masa
(c) Lori kontena/kargo yang membawa barang-barang elektronik/elektrik dan lori kontena/kargo yang berulang-alik di antara pelabuhan dan lapangan terbang yang tidak berada di tempat yang sama.	dari 12.00 tengah malam hingga 6.00 pagi
(d) Lori pembancuh simen, kren bergerak dan lori jongket yang membawa batu, pasir dan tanah.	sepanjang masa; atau dari 6.00 petang hingga 6.00 pagi di kawasan Lembah Kelang (70 km dari pusat bandar) dan di kawasan Johor Bahru, Ipoh dan Kuantan (50 km dari pusat bandar) tertakluk kepada had masa operasi yang dibenarkan di jalan tertentu